



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
PUAN HAJAH ZAINON BINTI SULAIMAN  
ALUMNI ITM DALAM KURSUS SAINS PERPUSTAKAAN**

**MOHD HAFIDZRIZAL BIN MANSOR**

**(2019689624)**

**MOHAMMAD NUR AMIN BIN SHAHIDAN**

**(2019631048)**

**SEMESTER SEPTEMBER 2020 – FEBRUARY 2020**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>M/S</b>
Abstrak	i
Penghargaan	ii-iii
Senarai Abreviasi	iv-v
Senarai Singkatan Rujukan Kata	vi-ix
1.0 Biodata Penemubual	1
1.1 Penemubual Pertama	2
1.2 Penemubual Kedua	3
2.0 Biodata Tokoh	4
2.1 Biodata Tokoh	5
2.2 Pengenalan kepada tokoh	6
3.0 Sejarah Lisan	7
3.1 Pengenalan	8
3.2 Objektif Sejarah Lisan	9
3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	10
4.0 Kajian Literatur	11
4.1 Topik 1	12-13
4.2 Topik 2	14
5.0 Transkrip Tembual Bersama Tokoh	15-59
6.0 Log Temubual	60-88
7.0 Ralat	89-90
8.0 Glosari	91-94
9.0 Indeks	95-99
10.0 Bibliografi	100-101
11.0 Lampiran	102
11.1 Biografi Tokoh	103-104
11.2 Surat Perjanjian	105
11.3 Senarai Soalan	106-108
11.4 Diari Penyelidikan	109-112
11.5 Gambar	113-115

**PENGALAMAN PUAN HAJAH ZAINON BINTI SULAIMAN SEBAGAU ALUMNI  
DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) PADA TAHUN 1972**

Mohd Hafidzrizal bin Mansor (2019689624)

Mohammad Nur Amin bin Shahidan (2019631048)

**Fakulti Pengurusan Maklumat**

**UITM Johor Kampus Segamat**

**KM 12, Jalan Muar, 85000 Segamat, Johor**

**ABSTRAK**

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman dan kisah hidup seorang tokoh untuk aspect akademik iaitu Puan Hajah Zainon binti Sulaiman yang dulu pernah menjadi seorang pelajar di Institut Teknologi Mara serta mengambil pengajian Sains perpustakaan pada 1972. Menyentuh sedikit tentang latar belakang Alumni kami, beliau telah bersekempatan membawa tahap pengajiannya ke tahap yang professional iaitu dapat sambung belajar di London. Beliau dulu juga pernah mendapat anugerah cemerlang untuk aspect akademiknya dan mengharumkan nama Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) pada waktu ketika itu. Proses merekod dan mencatat rentetan kehidupan beliau dijalankan melalui wawancara yang dijalankan dan bermula dari latar belakang dan sejarah pembangunan Alumni ini, kajian ini turut bertujuan member tumpuan yang menyeluruh tentang fakta-fakta yang berkaitan tentang tahap pembelajaran mereka pada waktu dahulu dan ingin tahu apakah perbezaan dalam cara pembelajaran pada zaman beliau dengan zaman kami? Kajian ini mengesahkan kebenaran tentang pencapaian hal chwal akademik untuk Fakulti Pengurusan Maklumat dan mengetahui dari segi perkembangan dari dulu sampai sekarang. Melalui temu bual ini kami dapat mengupas degan lebih lanjut tentang informasi atau fakta yang penting berkaitan dengan sejarah Alumni. Diharap juga melalui dapatan kajian lisan ini, masyarakat luar terutamanya iaitu generasi yang baharu akan dapat mengenali dengan lebih lanjut dan mempunyai daya semangat yang sama untuk mendalam mengetahui lebih lanjut para-para Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat dan menjadi satu inspirasi untuk mereka. Kajian ini membuktikan besarnya sejarah seorang Alumni dan bagaimana beliau boleh memberi satu usaha untuk mengharumkan nama fakulti meraka secara langsung atau tidak langsung.

**Kata kunci: Puan Hajah Zainon binti Sulaiman, Alumni, Fakulti Pengurusan Maklumat, Sejarah Lisan.**

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas kami ini. Dengan izin kurniaan Tuhan yang Maha Kuasa, kami dengan jayanya dapat menyelesaikan tugas kami dengan puas hati.

Kami dengan rendah diri ingin memberi banyak penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek ORAL DOCUMENTATION, kod subjek IMR 604 iaitu Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin kerana telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan terhadap tugas yang diberikan. Melalui dorongan yang sangat mencukupi ini, kami Serjaya menyiapkan tugas ini walaupun kami kelim kabut.

Tidak dilupakan juga, kami ingin titipkan penghargaan buat Puan Hajah Zainin binti Sulaiman yang sudi menerima pelawaan kami untuk menjadi rujukan tokoh dalam tugas yang diberikan ini. Tanpa bantuan daripada beliau, kami tidak akan Serjaya dengan baik untuk menyiapkan tugas ini.

Di samping itu, penghargaan buat kepada rakan-rakan, keluarga, ibu bapa kami di mana mereka juga memberi pertolongan secukupnya untuk menyiapkan tugas kami ini.

Akhir kata, ribuan terima kasih kepada semua pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas yang penuh dengan dugaan dan cabaran ini.

Sekian, terima kasih.

## SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
UUM	Universiti Utara Malaysia
MCE	Malaysia Certificate Of Education
ITM	Institut Teknologi Mara
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tertinggi Pelajaran Malaysia
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority
ALA	American Library Association
USM	University Sains Malaysia
UITM	University Teknologi Mara
UPM	Universiti Putra Malaysia
UM	University Malaysia
RRI	Rubber Research Institute
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UKM	University Kebangsaan Malaysia